



Ding (dua dari kiri), **memberikan penerangan kepada pelajar dari China** sambil diperhatikan Faizal (kiri) di ATMA, UKM, Bangi.

[FOTO KAMARULZAMAN ARIFFIN | BH]

2 negara kongsi adat perkahwinan

» Amalan meminang, beri hantaran dalam budaya China ada persamaan dengan Malaysia

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Persamaan dan perbandingan kebudayaan antara China dengan Malaysia dalam konteks perkahwinan serta simpulan bahasa disorot pada Kolokium Kursus Insentif Ketrampilan Bahasa Melayu (KIKBM) di Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, baru-baru ini.

Persoalan itu antara sorotan yang dibuat oleh pelajar Sarjana Muda Jurusan Bahasa Melayu dari Yunnan University of Nationalities, China dalam pembentangan kertas kerja yang turut menampilkan pelbagai tajuk berpaksikan bahasa, budaya dan adat resam antara dua negara berkenaan.

Adat perkahwinan ada persamaan

Hubungan budaya menerusi perkahwinan membabitkan masyarakat itu dikupas oleh Yang Mei yang memilih untuk membuat perbandingan mengenai tradisi dan adat membabitkan kedua-dua negara.

"China dan Malaysia mempunyai adat perkahwinan tersendiri tetapi ada persamaan yang boleh dilihat, antaranya amalan meminang di China iaitu Nacai, selain turut memberi hantaran iaitu Na Zheng.

"Apa yang mungkin tidak diketahui masyarakat di negara ini ialah pasangan pengantin China akan kembali ke rumah



Wang Jialin

pihak perempuan selepas tiga hari majlis berlangsung dan suami mesti mengikutinya dengan membawa bersama hadiah," katanya.

Sementara itu, Wang Jialin tampil dengan pembentangan bertajuk *Perbandingan Simpulan Bahasa Orang Melayu dan Orang China* dengan melihat kepada teks sastera klasik China, *Hikayat Tiga Negara*.

"Simpulan bahasa masyarakat di China banyak yang diambil daripada teks sastera klasik dan menariknya ia masih digunakan secara meluas penduduk di sana sehingga kini.

"Umpamanya, simpulan bahasa yang terkenal di sana iaitu 'tiga kali berkunjung ke rumah beratap jerami' atau 'san gu mao lu' diambil daripada kisah klasik raja negeri Shu dalam *Hikayat Raja Negara* yang membawa maksud seseorang yang berusaha tanpa henti dengan jujur, pasti akan berjaya," katanya pada acara yang turut

dihadiri oleh Felo Penyelidik Utama ATMA, Prof Dr Ding Choo Ming dan Pengelola KIKBM, Dr Faizal Musa.

Simpulan bahasa Melayu mudah difahami

Jialin berkata, simpulan bahasa menjadi warisan bangsa yang perlu diberi perhatian kerana ia mempunyai keunikan tersendiri dengan struktur bahasa tersusun dan boleh menjadi pedoman hidup masyarakat.

"Jika dibandingkan antara simpulan bahasa Melayu dan China, saya lihat lebih mudah untuk memahami simpulan bahasa Melayu yang lebih ringkas serta kebiasaannya terdiri daripada dua patah perkataan berbanding China yang lebih panjang dan rumit," katanya.

KIKBM dimulakan oleh ATMA sejak 15 tahun lalu dan menarik perhatian banyak pusat pengajian tinggi di Eropah dan Asia.

Daripada tahun 2009 hingga 2014, sebanyak 122 pelajar dari pelbagai negara mengikuti KIKBM dengan Jepun mencatat rekod tertinggi.

Angka yang dicatatkan mungkin agak kecil, tetapi ia tetap membantu penyebaran bahasa Melayu di negara lain, sekali gus menggalakkan perkembangannya untuk diiktiraf sebagai bahasa bertaraf dunia.

Selain menghadiri kuliah, pelajar turut dibawa mengikuti pelbagai aktiviti universiti termasuk terabit dalam program kebudayaan dan dibawa ke daerah kampung untuk acara inap desa bersama keluarga angkat terpilih.